

Dua lagi korban banjir di Kelantan

BACHOK – Banjir yang memasuki hari keempat di Kelantan, semalam, mengorbankan dua lagi mangsa dalam tragedi berasingan di Bachok dan Tumpat, sekali gus angka keseluruhan meningkat kepada tiga orang.

Mangsa lemas di Bachok adalah seorang kanak-kanak, Mohamad Haiqal Sabri, 8, dipercayai bermain bersama lima rakannya sebelum tergelincir ke dalam tali air berhampiran rumah neneknya di Lubuk Kuin, di sini.

Pegawai Penjaga Balai Bomba Dan Penyelamat Daerah Bachok berkata, mayat mangsa ditemui tiga meter dari lokasi dia terjatuh kira-kira jam 6.30 petang, semalam.

"Kami bersama tujuh anggota unit skuad bersama 10 anggota dari Balai Bomba Bachok bersama menjejak mangsa dalam tali air tersebut kira-kira sejam setengah sebelum mayat mangsa ditemui tiga meter dari lokasi dia terjatuh.

"Dia dipercayai terjatuh ketika bermain di kawasan tersebut bersama rakan-rakannya kira-kira jam 4 petang semalam," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Mayat mangsa dibawa ke Balai Polis Gunung sebelum dibawa ke hospital untuk bedah siasat. Difahamkan, mangsa anak keenam daripada tujuh beradik iaitu pelajar Sekolah Kebangsaan Jelawat 2 dan tinggal bersama keluarganya di Gunung.

Sementara mangsa lemas di Tumpat ialah seorang pelajar Tingkatan Lima Sekolah Menengah Cabang Empat dekat sini, ditemui mati dipercayai lemas selepas mandi bersama seorang rakannya di sebuah sungai di Kampung Talak, Cabang Empat dekat sini.

Dalam kejadian kira-kira jam 3 petang itu, mangsa Mohd. Farid Zulkifli, 17, dikatakan



● Mayat mangsa dibawa ke hospital untuk bedah siasat, semalam.

mandi selepas memukat di sungai tersebut.

Seorang saksi Shaari Kadir, 35, berkata, ketika kejadian dia sedang berehat di rumahnya kira-kira 100 meter dari mangsa dilaporkan lemas.

"Beberapa minit sebelum kejadian berlaku, saya yang berada di luar rumah dan ternampak kelibat dua remaja sedang mandi di sungai.

"Sejurus kemudian, saya nampak seorang daripada mereka tenggelam dan tidak timbul menyebabkan saya mengesyaki sesuatu perkara buruk telah berlaku," katanya ketika ditemui Sinar Harian di tempat kejadian.

Susulan itu katanya, dia kemudiannya terus berlari ke tempat kejadian untuk melihat apa yang berlaku dan memberikan bantuan kepada mangsa.